

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI
(N49 SUNGAI KANDIS)**

TAJUK : KEWANGAN AKIBAT PKP

201. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah peruntukan yang diterima dan disalurkan termasuk daripada sumber lain sepanjang PKP? Senaraikan.
- b) Apakah bantuan kepada peniaga kecil, pengusaha van sekolah, tadika dan tahfiz persendirian yang terjejas?
- c) Senaraikan yayasan dan NGO yang membantu menangani kesan ekonomi, sosial dan mental.

JAWAPAN:

- a) Sebagaimana kita semua maklum, wabak Covid – 19 ini telah memberikan impak terhadap dunia amnya dan Malaysia khususnya. Oleh itu, negeri Selangor juga turut menerima impak yang sama. Bagi tujuan menangani Covid – 19, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sebanyak RM15 juta kepada Kerajaan Negeri Selangor. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM5 juta diperuntukan untuk projek pembangunan berskala kecil di bawah Projek Penyelenggaraan Infrastruktur Awam / Projek Infrastruktur Asas (PIA/PIAS). Pelaksanaan projek-projek PIA/PIAS ini adalah bertujuan sebagai *stimulus package* untuk menangani masalah kegawatan ekonomi negeri. Selain itu, sebanyak RM10 juta telah disalurkan ke Tabung Pakej Rangsangan Ekonomi bagi tujuan bantuan menangani wabak Covid – 19 seperti kos pengoperasian stesen-stesen kuarantin, pembelian topeng pelitup muka (*face mask*), *hand sanitizer* dan lain-lain. Sebanyak RM7.795 juta telah dibelanjakan bagi tujuan yang telah dinyatakan dan baki peruntukan akan digunakan untuk menampung pembayaran insentif kepada penjawat awam yang terlibat secara langsung dalam menangani wabak Covid – 19.

Selain terimaan dari Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri juga menerima terimaan dari MBI yang berjumlah sebanyak RM105.95 juta bagi menampung inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dengan perincian seperti berikut:

Bil	Inisiatif Yang Dilaksanakan MBI	Perbelanjaan MBI (RM)
1	Inisiatif Selangor Pay	100 juta
2	Menampung bantuan bekalan makanan kepada pelajar-pelajar UNISEL, KUIS, INPENS dan institusi-institusi pengajian tinggi yang lain	2.56 juta
3	Menampung bekalan makanan kepada frontliner, petugas media dan petugas keselamatan sepanjang tempoh PKP Fasa I dan Fasa II	1.44 juta
4	Pemberian insentif sebanyak RM200 (<i>One Off</i>) kepada petugas hospital di Negeri Selangor	1.2 juta
5	Bantuan makanan kepada petugas hospital di Negeri Selangor sepanjang bulan April 2020	
6	Pembangunan platform <i>e-learning</i>	700 ribu
7	Keperluan Task Force COVID Selangor melalui SELangkah	50 ribu

Selain daripada MBI, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) juga turut menampung kewangan Kerajaan Negeri sepanjang tempoh PKP bagi tujuan menangani impak Covid – 19 dengan menawarkan peruntukan khas bagi mengupayakan kapasiti Ahli Majlis PBT sempena Selangor Gempur Covid – 19 dengan jumlah peruntukan sebanyak RM2.75 juta dan pengecualian sewa 1 bulan di premis PBT yang melibatkan impak kewangan sebanyak RM12 juta.

- b) Kerajaan Negeri amat prihatin terhadap bebanan hidup yang dihadapi oleh rakyat Selangor yang terjejas akibat daripada Perintah Kawalan Pergerakan yang dilaksanakan oleh Kerajaan.

Lantaran itu, di bawah Pakej Rangsangan Selangor Prihatin Fasa I dan Fasa II, Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif dengan memberi pengecualian sewa premis PBT untuk tempoh sebulan dengan impak kewangan RM12 juta. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga telah mengambil inisiatif dengan menawarkan insentif/pemberian khas kepada peniaga kecil yang diberikan secara *one-off* sebanyak RM500 (Ringgit Malaysia : Lima Ratus Sahaja) dengan melibatkan peruntukan kewangan sebanyak RM40 juta. Pemberian khas ini dapat membantu seramai 80,000 orang penjaja dan peniaga berlesen yang terjejas ekoran daripada PKP yang dilaksanakan Kerajaan.

Pada masa ini, Kerajaan Negeri tidak menyediakan bantuan kepada pengusaha van sekolah, tadika dan tafhib persendirian yang terjejas ekoran daripada PKP.

- c) Dalam usaha membantu Kerajaan Negeri menangani kesan ekonomi, sosial dan mental sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), beberapa badan bukan kerajaan (NGO) telah memberikan perkhidmatan kepada mereka yang memerlukan. Antara NGO yang terlibat adalah seperti berikut :-
1. Yayasan Anak Warisan Selangor (YAWAS)
 - Bantuan Insentif Penjagaan Anak-anak Petugas Barisan Hadapan (*Frontliners*)
 2. Institut Wanita Berdaya Selangor
 - Menjalankan Kajian Impak Sosio-Ekonomi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Covid-19 Terhadap Kehidupan Wanita di Selangor.
 - Kajian Perubahan Wajah Kemiskinan Wanita dan Keluarga Negeri Selangor Kesan dari PKP.
 - Menjalankan program-program pengukuhan kewangan dan sokongan ekonomi kepada golongan wanita secara dalam talian seperti :-
 - i. Siri Usahanita Selangor (15 sesi Instagram, Youtube, Seni dan Pemasaran, Asas Keusahawanan, Mengurus Duit)
 - ii. Siri Sihat Selamat Selangor
 - iii. Program Keluarga Harmoni (13 sesi - Modul Pengurusan Kewangan, Komunikasi Berkesan dan Pengurusan Konflik)
 3. Pertubuhan Pertolongan Wanita (*Women's Aids Organization* - WAO)
 - Program Komuniti Selamat Bersepadu yang menyediakan tempat perlindungan kepada mangsa-mangsa keganasan rumah tangga.
 - Menyediakan Talian *Hotline* Bantuan Keganasan Rumah Tangga sebagai sistem sokongan sosial kepada mangsa-mangsa keganasan rumah tangga.
 4. Pertubuhan Pemerkasaan Keluarga (*Family Empowerment* - FAME)
 - Program Bantuan Makanan Sihat Kepada Kanak-Kanak Daripada Keluarga Golongan B40.
 - Program Bantuan Set Bahan Bacaan Dan Peralatan Mainan Kepada Kanak-Kanak Keluarga B40.
 5. KLSWO
 - Program *Work From Home* kepada penerima Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) dan golongan wanita daripada keluarga B40.
 - Sumbangan pek makanan kepada petugas barisan hadapan semasa tempoh PKP.

6. *Mental Illness Awareness And Support Association (MIASA)*

- Kelas Kesihatan Mental secara atas talian yang memberi penerangan berkenaan kaedah mengenalpasti dan cara-cara mengurus tekanan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF
(N23 DUSUN TUA)

TAJUK : GUNUNG NUANG

202. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini bagi pelancongan di kawasan gunung Nuang?
- b) Apakah kerajaan telah membukanya secara rasmi kepada pengunjung?

JAWAPAN:

- a) Taman Eko Rimba Gunung Nuang yang terletak di Kompatmen 65, Hutan Simpan Ulu Langat, Daerah Hulu Langat merupakan antara kawasan rekreasi sukan lasak yang terkemuka di Selangor. Sehingga kini, operasi Taman Eko Rimba Gunung Nuang telah ditutup sementara kepada penggiat rekreasi lasak bermula pada 15 Januari 2019 akibat daripada kejadian kemalangan maut yang berlaku semasa sekumpulan pengunjung menjalankan aktiviti pendakian ke puncak Gunung Nuang. Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah menjalankan beberapa program dengan kerjasama beberapa agensi kerajaan dan swasta sebagai usaha menaiktaraf kemudahan termasuk menyelenggara denai pendakian bagi memastikan keselamatan pengunjung. Sehingga pertengahan bulan Mac 2020, sebanyak lebih kurang 300 permohonan permit memasuki Hutan Simpanan Kekal (HSK) dalam tempoh seminggu diterima oleh pentadbiran Pejabat Hutan Daerah Selangor Tengah untuk menjalankan aktiviti pendakian di Taman Eko Rimba Gunung Nuang sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
- b) Sejak penutupan operasi Taman Eko Rimba Gunung Nuang pada 15 Januari 2019 yang lalu, kawasan ini telah dibuka semula operasinya kepada orang ramai pada 1 September 2019 setelah pihak Jabatan Perhutanan Negeri Selangor berpuas hati ke atas tahap keselamatan denai pendakian hingga ke puncak tertinggi (1,493meter) sejauh 9.0km. Walau bagaimanapun, sebagai salah satu usaha untuk mengekang penularan wabak COVID19, operasi di semua kawasan Taman Eko Rimba termasuk Gunung Nuang telah ditutup untuk sebarang aktiviti sejak 18 Mac 2020. JPNS sedang membuat persediaan untuk membuka semula semua operasi Taman Eko Rimba di Negeri Selangor kepada orang ramai bermula pada **1 Julai 2020** dengan SOP yang diperketat.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING
(N37 BUKIT LANJAN)

TAJUK : STATUS PROGRAM PEMBERIAN LESEN MOTORSIKAL PERCUMA

203. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa peserta layak menyertai Program Pemberian Lesen Motorsikal Percuma Negeri Selangor?
- b) Apa manfaat yang boleh dinikmati oleh peserta-peserta yang layak?
- c) Apa yang perlu dibuat oleh Kerajaan Negeri untuk memperluaskan lagi kegiatan Ekonomi "Gig" di Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan jumlah peruntukan yang diberikan, sebanyak 2500 tempat akan diberikan kepada peserta yang boleh memohon. Mereka yang layak akan dimaklumkan mengikut syarat kelayakan yang ditetapkan.
- b) Manfaat kepada peserta yang layak adalah mereka akan mempunyai peluang untuk mempunyai lesen motosikal yang sah untuk membolehkan mereka meneroka peluang ekonomi terutamanya di dalam bidang ekonomi gig.
- c) Melalui inisiatif program RIDE ini, ianya akan membuka peluang kepada semua warga Selangor yang mahu menambah baik keadaan ekonomi mereka. Hal ini kerana dengan berjaya nya program ini ianya akan memberikan lesen menunggang motosikal kepada 2500 individu. Kerajaan juga sudah memula langkah untuk bekerjasama dengan Dego Ride dan juga Sel Dec di dalam usaha membuat eksplorasi ekonomi gig kepada warga Selangor. Dego Ride dan Sel Dec merupakan penyedia servis perkhidmatan penghantaran dan ini membolehkan peserta Program RIDE untuk bekerja sama untuk menambah pendapatan mereka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : TASIK PANDAN PERDANA

204. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimakah pengurusan penyelenggaraan tasik Pandan Perdana?

JAWAPAN:

- a) Pengurusan penyelenggaraan Tasik Pandan Perdana dipertanggungjawabkan kepada Best Boulevard Sdn. Bhd. selaku pemaju projek bersebelahan tasik tersebut. Kerja – kerja yang dilaksanakan adalah menyelenggara keseluruhan kawasan Tasik Pandan Perdana termasuk memotong rumput, membersihkan sampah-sarap di sekeliling tasik dan di dalam air. Tasik tersebut terbahagi kepada 3 pemilikan iaitu pemaju, sekolah dan rezab kerajaan (kawasan lapang)

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI
(N10 BUKIT MELAWATI)

TAJUK : PENDIDIKAN STEM DAN VOKASIONAL

205. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam menggalakkan para pelajar cemerlang dalam Pendidikan STEM dan vokasional?

JAWAPAN:

- a) Usaha Kerajaan Negeri dalam menggalakkan para Pelajar cemerlang dalam pendidikan STEM dan Vokasional adalah melalui beberapa program yang telah dirancang iaitu :

- **Program Mono Teater STEM.**

Program ini merupakan program yang berkonsepkan “coaching” dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Selangor dan Persatuan STEM Kebangsaan. Program ini menghimpunkan para Pelajar dan akan membantu mereka melaksanakan aktiviti inovasi berdasarkan minat dan kecenderungan mereka. Mereka akan dibimbing oleh tenaga pengajar daripada Institusi Pengajian Tinggi seperti Universiti Malaya, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Selangor, UITM, USIM dan pelabagai lagi.

- **Program Pembangunan Guru STEM**

Program ini merupakan program peningkatan kemahiran guru yang dilaksanakan dengan pihak Jabatan Pendidikan Negeri dan Bahagian Pendidikan Islam Jabatan Agama Islam Selangor bagi sekolah-sekolah di bawah kelolaan JAIS. Program ini akan membantu para guru untuk meningkatkan kemahiran pengajaran guru-guru untuk meningkatkan pembelajaran secara interaktif dan berkekasan agar minat Pelajar kepada mata pelajaran dalam STEM mengalami peningkatan.

- **Program Inovasi Pendidikan**

Program ini dilaksanakan dalam bentuk *coaching* dan latihan yang berterusan untuk membudayakan inovasi dan memperkasa kemahiran para Pelajar dalam STEM. Selain *coaching* program berbentuk pertandingan inovasi turut diadakan. Program ini turut melibatkan para guru untuk inovasi alat bantuan mengajar di

kelas. Program dalam bentuk pertandingan dilaksanakan untuk menonjolkan tahap penguasaan dan kemahiran setelah latihan diberikan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N52 BANTING)**

TAJUK : LALUAN LRT 3 KE KUALA LANGAT

206. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Terdapat cadangan untuk melanjutkan jajaran laluan LRT3 dari Johan Setia ke Kuala Langat dan Banting. Adakah kerajaan bercadang untuk melanjutkannya ke Bandar Banting dan berangkai dengan Stesen ECRL Jenjarom?

JAWAPAN:

- a) Pelaksanaan projek Transit Aliran Ringan atau LRT3 pada masa ini hanya melibatkan jajaran dari Bandar Utama ke Johan Setia, Klang dan Kerajaan Negeri belum menerima sebarang cadangan bagi sambungan LRT3 dari Johan Setia ke Kuala Langat dan Banting.

Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan sambungan laluan LRT Lingkaran 3 yang dikenalpasti di dalam Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Selangor adalah melalui Johan Setia ke Nilai di mana cadangan bagi jajaran ini turut melalui pekan Jenjarom dan Banting seterusnya merentasi lebuhraya dan menghala ke KLIA hingga ke Bandar Nilai, manakala kedudukan stesen ECRL masih belum dimuktamadkan oleh Kerajaan Persekutuan. Pelaksanaan projek ini memerlukan penglibatan daripada pelbagai pihak terutama agensi pelaksana pengangkutan berkaitan khususnya di peringkat Kerajaan Persekutuan tertakluk kepada kewangan atau ketersediaan peruntukan Kerajaan serta kemampuan agensi pelaksana yang berminat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : INSENTIF PERKAHWINAN BELIA

207. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan bilangan penerima Insentif Perkahwinan Belia mengikut DUN dari awal tahun 2020 sehingga kini.

JAWAPAN:

- a) Program ini telah digantikan dengan Program IGEMS bermula awal tahun 2020. Walaubagaimanapun YAWAS hanya mempunyai rekod berdasarkan Daerah. Jadual menunjukkan jumlah penerima berdasarkan Daerah:

Daerah	Jumlah Pasangan Layak (Orang)
PETALING	58
GOMBAK	92
PETALING	86
HULU SELANGOR	57
KLANG	98
KUALA LANGAT	57
HULU LANGAT	72
SEPANG	92
SABAK BERNAM	77
KUALA SELANGOR	57
JUMLAH	746

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : MESYUARAT ONLINE

208. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor akan mempertimbangkan untuk membenarkan "Mesyuarat Online"?
- b) Nyatakan sebab-sebab jika tidak.

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : COVID-19

209. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan menurut DUN, sepanjang menghadapi COVID-19 berapakah jumlah dalam RM bantuan langsung yang telah diberikan kepada rakyat.

JAWAPAN:

- a) Bantuan yang telah diumumkan oleh Kerajaan Negeri tidak menetapkan sebarang pembahagian mengikut DUN. Mereka yang dikenalpasti layak akan diberikan bantuan yang berkenaan tanpa mengambil kira kawasan DUN mereka. Justeru, tiada sebarang data yang boleh dirujuk untuk menentukan jumlah sebenar bantuan yang diberi mengikut DUN. Walau bagaimanapun, satu bantuan khusus daripada peruntukan Ahli Dewan Negeri (ADN) telah diberikan kepada semua kawasan DUN yang keseluruhannya berjumlah sebanyak RM5.04 juta (RM30 ribu bagi setiap fasa) dan telah disalurkan sebanyak 3 fasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR
(N07 BATANG KALI)**

**TAJUK : PEMBERSIHAN BAHU JALAN PERSEKUTUAN DARI SUNGAI CHOH
KE BATANG KALI**

210. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimakah Kerajaan Negeri ingin memastikan jalan-jalan persekutuan ini diselenggara mengikut jadual yang ditetapkan agar tidak mencacatkan pemandangan mereka yang melalui jalan ini?
- b) Apakah kerajaan bercadang untuk menaiktaraf serta mencantikkan bahu serta pembahagi jalan ini?

JAWAPAN:

- a) Pihak konsesi Roadcare Sdn Bhd melaksanakan kerja-kerja rutin pada setiap bulan mengikut jadual dan dipantau oleh pihak JKR Daerah. Skop yang dilaksanakan adalah R 02 – Bahu Jalan. Audit pemantauan kerja-kerja rutin turut dilaksanakan bagi memastikan jalan-jalan persekutuan diselenggara mengikut jadual yang telah ditetapkan
- b) Setakat ini tiada lagi perancangan untuk menaiktaraf, walaubagaimanapun kerja-kerja landskap untuk mencantikkan bahu jalan dan juga pembahagi jalan ini boleh dipertimbangkan dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : KILANG TANPA IZIN

211. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jumlah kilang tanpa izin yang masih belum diputihkan mengikut DUN sehingga Jun 2020?
- b) Sejauh mana keseriusan Kerajaan Negeri untuk menutup kilang tanpa izin terutamanya yang menyebabkan pencemaran alam?

JAWAPAN:

- a) Senarai jumlah kilang tanpa izin yang masih belum diputihkan mengikut DUN adalah seperti seperti di Lampiran.
- b) Program Pematuhan Syarat dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri dan telah dilancarkan pada 24 September 2019. Tempoh Program Pematuhan Syarat dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran bermula pada 1 Oktober 2019 hingga 30 September 2020. Walau bagaimanapun, berikutan pandemik COVID-19 telah melanda seluruh dunia khususnya Negara ini, Kerajaan Negeri Selangor telah bersetuju agar Program Pematuhan Syarat dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran dilanjutkan sehingga 31 Disember 2020. Tindakan penguatkuasaan akan bermula pada Januari 2021.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)

TAJUK : STATUS TERKINI KEWANGAN NEGERI SELANGOR

212. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini kedudukan kewangan Negeri Selangor?
- b) Adakah pandemik Covid-19 dijangka memberi kesan kepada prestasi buruk kewangan Negeri Selangor hingga hujung tahun ini?

JAWAPAN:

- a) Saya ingin menjawab soalan yang dikemukakan daripada YB Sijangkang (soalan 212) dan YB Subang Jaya (soalan 268) yang bertanyakan soalan yang sama berkaitan status kewangan terkini Kerajaan Negeri Selangor. Seterusnya YB Sijangkang (soalan 212), YB Sungai Panjang (soalan 219) dan YB Rawang (soalan 273) bertanyakan kesan Pandemik Covid-19 ke atas prestasi kewangan Kerajaan Negeri. Manakala YB Bukit Gasing (soalan 262) pula bertanyakan tentang unjuran defisit tahun 2020 mengambilkira kesan ini. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri sehingga 30 Jun 2020 merekodkan angka sebanyak RM2,832.28 Juta yang terdiri daripada Akaun Hasil Disatukan sebanyak RM929.08 Juta manakala Akaun Amanah Disatukan pula adalah sebanyak RM1,903.20 Juta.
- b) Prestasi Kewangan Kerajaan Negeri sehingga 30 Jun 2020 adalah masih stabil dengan merekodkan kutipan hasil sebanyak RM1,527.61 Juta. Angka ini adalah 69.44 peratus daripada RM2,200.00 Juta yang telah disasarkan dalam belanjawan 2020. Manakala jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan pula telah mencecah RM948.22 Juta atau bersamaan dengan 40.64 peratus daripada RM2,333.00 Juta yang telah dibelanjawankan. Kerajaan Negeri masih merekodkan lebihan sebanyak RM579.39 Juta sehingga 30 Jun 2020.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : PERUSAHAAN KITAR SEMULA TIDAK BERLESEN

213. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri dapat memperincikan bilangan kompaun, notis, sitaan dan perobohan yang telah dikenakan terhadap perusahaan kitar semula tanpa lesen di Daerah Klang?

JAWAPAN:

- a) Penguatkuasaan terhadap aktiviti perusahaan kitar semula bagi Daerah Klang telah dijalankan secara bersepada di antara Pejabat Daerah & Tanah Klang (PDTK) dan Majlis Perbandaran Klang (MPK) selain dibantu agensi-agensi penguatkuasaan kerajaan yang lain.

Sepanjang tahun 2018 hingga Mac 2020, Pejabat Daerah dan Tanah Klang telah mengeluarkan sebanyak 13 Notis 7A & 7B di bawah Seksyen 127 & 128 Kanun Tanah Negara 1965, bagi kesalahan Pelanggaran Syarat Kegunaan Tanah yang dijadikan tapak aktiviti kitar semula dan pelupusan sampah haram. Selain itu sebanyak 6 notis bagi kesalahan pencerobohan tanah kerajaan di bawah Seksyen 425, Kanun Tanah Negara 1965 turut dikeluarkan atas kesalahan menjalankan aktiviti berkaitan kitar semula dan tapak pelupusan sampah haram. Kesemua lokasi ini telah dirobohkan dan ditutup.

Sepanjang tahun 2018 – Mac 2020 Majlis Perbandaran Klang (MPK), telah menjalankan sebanyak 160 Operasi pemantaun bagi seluruh Daerah Klang. Hasil operasi mendapat sebanyak 119 buah premis kitar semula adalah tidak berlesen dan menjalankan aktiviti secara tidak sah. Susulan itu, sebanyak 242 Notis Undang-Undang Kecil (UUK 3 PTTP 2007 telah dikeluarkan dan sebanyak 88 Kompaun telah dikeluarkan di bawah peruntukan perundangan yang sama. Selain itu sebanyak 37 premis kitar semula telah diarahkan tutup.

Pihak Kerajaan Negeri amat memandang serius aktiviti kitar semula dan tapak pelupusan sampah yang dijalankan secara tidak sah ini. Tindakan keras seperti rampasan tanah, penjara dan denda akan diambil ke atas mereka yang didapati bersalah menjalankan aktiviti ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : INSTITUT WANITA BERDAYA

214. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Institut ini milik Kerajaan Negeri dan dibawah kawalan sepenuhnya oleh MMKN?
- b) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk gerak kerja Institut ini untuk tahun 2020 dan 2021?

JAWAPAN:

(a) dan (b) dijawab bersekali :-

Sebagai makluman semua ahli Yang Berhormat, Institut Wanita Berdaya (IWB) Selangor sedang bekerjasama dengan Menteri Besar Incorporated (MBI) Selangor dalam memperhalusi perkara ini dan seterusnya membuat perancangan bagi menjayakan gerak kerja Institut ini yang berperanan sebagai sebagai badan pemikir atau *think tank* kepada Kerajaan Negeri untuk merencana dasar dan inisiatif baharu yang lebih progresif demi memartabatkan wanita di Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH
(N54 TANJUNG SEPAT)

TAJUK : PEMBANGUNAN TEKNOLOGI 5G

215. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status perlaksanaan teknologi 5G di Negeri Selangor?
- b) Nyatakan kos yang telah dibelanjakan untuk penaiktarafan teknologi 5G di Negeri Selangor.
- c) Apakah status kesiapsagaan Pentadbiran Negeri Selangor dalam penerimaan teknologi 5G ini?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Pusat, melalui agensi yang telah dipertanggungjawab Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah melaksanakan beberapa projek demonstrasi untuk memberi pendedahan kepada rakyat berkenaan aplikasi dan guna pakai teknologi berkaitan dengan 5G. Di Negeri Selangor terdapat beberapa projek demonstrasi khusus yang dilaksanakan oleh pembekal perkhidmatan dan syarikat telekomunikasi sedia ada. Projek-projek tersebut termasuklah:

No	Penyelesaian Vertikal	Lokasi	Pembekal Perkhidmatan	Butiran
1	Digital Healthcare	5G OpenLab@RekaSpace, Cyberjaya	Digi	Remote Diagnosis/Monitoring and Connected Ambulance
			Digi	Real Time Medical Time Transfer

			U-Mobile	Remote Consultation with Medcom
			U-Mobile	Doctor On-call
2	Education	5G OpenLab@RekaSpace, Cyberjaya	Digi	Virtual Maker Space (Collaborative VR)
			Maxis	Augmented Reality Experiential Content
			Maxis	eKelas-Enhanced Education
3	Entertainment/ Media	5G OpenLab@RekaSpace, Cyberjaya	Altel	TV Broadcast over 5G
			Digi	Interactive AR with Avatar
			TM	Virtual Reality and Augmented Reality (vGames-eSports), (vGames-eConcerts)

No	Penyelesaian Vertikal	Lokasi	Pembekal Perkhidmatan	Butiran
4	Smart City	5G OpenLab@RekaSpace, Cyberjaya, UITM Shah Alam, MPSJ, Gamuda Cove, Dengkil, MBPJ.	Altel	High Speed Mobile Internet Access for Tourist
			Celcom	5G Live Video Surveillance
			Edotco	Smart Airport
			Edotco	Smart Travel
			Maxis	Robot Concierge
			Maxis	Augmented Reality
			Maxis	Smart Street Lighting
			TM	Smart Traffic Lights Solutions
			TM	Smart Safety & Security Solutions
			TM	Smart Parking Solutions

		TM	Smart Digital Signage
		TM	Retail Footfall Analytics (ACE)
		TM	Smart Water Meter System (RITA)
		TM	Fleet Management System (CONVES)
		TM	Smart Safety & Incident Management (Smart Helmet)
		TM	Geo Location and Services (Pesafe)
	Digi, Edotco, Maxis, U-mobile	Fixed Wireless Access (FWA)	

- b) Syarikat-syarikat telekomunikasi dan penyedia perkhidmatan sedia ada tidak berkongsi secara khusus perbelanjaan pembangunan dan menaiktaraf infrastruktur teknologi khususnya untuk Negeri Selangor. Akan tetapi, menurut laporan daripada MCMC, sejumlah RM 116J secara keseluruhannya telah dibelanjakan oleh syarikat-syarikat telekomunikasi dan penyedia perkhidmatan untuk menjayakan Projek Demonstrasi 5G pada tahun 2019.
- c) Teknologi 5G menjanjikan hubungan lancar (seamless) di antara manusia dengan aplikasi dan jaringan pintar. Secara langsung ia menjana penggunaan data

dengan skala yang lebih besar dan pantas. Untuk menjayakan pembangunan teknologi 5G, kesiapsagaan infrastruktur komunikasi secara menyeluruh perlu disediakan. Infrastruktur ini melibatkan rangkaian gentian optik dan struktur pencawang telekomunikasi. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri sedang memperbaiki proses penyelarasaran dengan syarikat telekomunikasi untuk memastikan wujudnya suatu sistem rangkaian infrastruktur komunikasi yang boleh diguna bersama. Kaedah ini bertujuan menggalakkan persaingan yang sihat di antara syarikat komunikasi lantas dapat menurunkan kos operasi syarikat dan kepada pengguna.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : STATISTIK PENUKARAN PAIP OLEH AIR SELANGOR

216. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jumlah paip air di seluruh kawasan Negeri Selangor ?
- b) Berapakah anggaran purata jumlah paip air yang ditukar bagi setiap tahun?
- c) Berapakah jumlah bajet yang diluluskan untuk penukaran paip air pada setiap tahun?

JAWAPAN:

- a) Jumlah panjang paip air di seluruh Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya setakat 31 Mei 2020 adalah berjumlah 29,201 km.
- b) Anggaran purata jumlah panjang paip yang akan ditukar, iaitu melibatkan paip jenis *Asbestos Cement (AC)* dianggarkan sepanjang 150km setiap tahun, tertakluk kepada peruntukan dan keupayaan kewangan Air Selangor pada setiap tahun.
- c) Sejak tahun 2016 hingga 2019, sejumlah RM490 juta telah diperuntukkan bagi program penggantian paip lama. Bagi tahun 2020 pula, bajet sebanyak RM142.5 juta telah diluluskan bagi program penggantian paip.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : DEWAN ORANG RAMAI

217. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pihak Kerajaan Negeri mempunyai peruntukan untuk membaiki atau menaik taraf dewan orang ramai dan balai raya yang uzur dan terbiar?
- b) Apakah pihak Kerajaan Negeri berhasrat untuk membina sebuah dewan orang ramai yang boleh memuatkan 5 atau 6 gelanggang badminton

JAWAPAN:

- a) Majlis Perbandaran Selayang tidak membajetkan peruntukan khas membaiki atau menaiktaraf dewan orang ramai, balairaya yang uzur dan terbiar tetapi jika berlaku kerosakan pemberian boleh menggunakan peruntukan bajet Ahli Majlis.
- b) Pada tahun 2020, tiada perancangan membina dewan orang ramai yang boleh memuatkan 5 atau 6 gelanggang badminton kerana Majlis Perbandaran Selayang telah mempunyai beberapa dewan MPS yang boleh disewakan oleh orang awam bagi tujuan aktiviti bermain badminton.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)**

TAJUK : PENGHAPUSAN DENGGI

218. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah pesakit jangkitan Denggi sejak bulan Jan 2019 hingga kini.
- b) Apakah tindakan akan dilakukan untuk menyelesaikan krisis ini?

JAWAPAN:

- a) Jumlah pesakit kes denggi tahun 2019 ialah sebanyak 72,543. Bagi tarikh sehingga 27 Jun 2020, jumlah kes Denggi di Selangor ialah 30,131.
- b) Bagi membasmi masalah denggi antara usaha yang perlu dilaksana termasuklah:
 - i Membincangkan isu denggi di peringkat daerah secara terperinci untuk tindakan yang diambil oleh pihak terlibat melalui Mesyuarat Tindakan Denggi Peringkat Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah dihadiri oleh kesemua agensi terlibat seperti PKD, PBT, Ahli Majlis dan sebagainya
 - ii Membincangkan isu serta punca pembiakan denggi di lokasi terlibat bersama penduduk/ ahli majlis/ DUN agar dapat diambil tindakan bersama.
 - iii Menggiatkan penggunaan repellan dan semburan aerosol dalam kalangan pesakit demam denggi dan komuniti.
 - iv Memperkasakan peranan penduduk/ agensi terlibat melalui penubuhan pasukan COMBI bagi melaksana aktiviti pencegahan denggi (pemusnahan tempat pembiakan denggi serta pendidikan kesihatan denggi) di lokaliti berkenaan.
 - v Melaksana program gotong-royong berfokus bagi menghapuskan tempat pembiakan nyamuk bersama masyarakat di lokaliti berkenaan.
 - vi Menjalankan Program Selangor Bebas Aedes tempat Kerja dan Kuarters

- vii Mengukuhkan Program Bebas Denggi Sekolah.
- viii Aktiviti penguatkuasaan seperti pengeluaran notis Seksyen 8 dibawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 kepada penduduk / pemunya premis berpotensi pembiakan aedes. Bagi premis positif pembiakan aedes, tindakan kompaun atau penutupan premis disusuli tindakan mahkamah boleh diambil. Kegagalan mematuhi notis seksyen 8 atau tidak membayar kompaun, tindakan mahkamah akan diambil.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : PRESTASI EKONOMI NEGERI PASCA COVID-19

219. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah wabak pandemik COVID-19 memberi kesan atau implikasi yang ketara terhadap kewangan negeri?
- b) Apakah pelan pemulihan ekonomi yang sedang dirancang dan yang telah dilaksanakan?

JAWAPAN:

- a) Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri sehingga 30 Jun 2020 merekodkan angka sebanyak RM2,832.28 Juta yang terdiri daripada Akaun Hasil Disatukan sebanyak RM929.08 Juta manakala Akaun Amanah Disatukan pula adalah sebanyak RM1,903.20 Juta.

Prestasi Kewangan Kerajaan Negeri sehingga 30 Jun 2020 adalah masih stabil dengan merekodkan kutipan hasil sebanyak RM1,527.61 Juta. Angka ini adalah 69.44 peratus daripada RM2,200.00 Juta yang telah disasarkan dalam belanjawan 2020. Manakala jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan pula telah mencecah RM948.22 Juta atau bersamaan dengan 40.64 peratus daripada RM2,333.00 Juta yang telah dibelanjawankan. Kerajaan Negeri masih merekodkan lebihan sebanyak RM579.39 Juta sehingga 30 Jun 2020.

Tidak dinafikan, Pandemik Covid-19 akan memberi kesan kepada Kedudukan dan Prestasi Kewangan Kerajaan Negeri pada tahun ini. Namun begitu, amalan perbelanjaan berhemah Kerajaan Negeri berupaya menangani kesan ini tanpa mengabaikan peranan Kerajaan Negeri dalam membantu rakyat Selangor yang menghadapi kesukaran dalam menghadapi situasi yang mencabar ini.

Mengambilkira kedudukan dan prestasi kewangan Kerajaan Negeri serta kesan pandemik Covid-19 yang dihadapi ketika ini, defisit tahunan yang dirangka dalam Belanjawan 2020 iaitu sebanyak RM133 juta akan dapat dipertahankan.

- b) Penularan COVID-19 ini ternyata telah menjadi krisis kesihatan global yang melanda seluruh dunia. Bagi menangani penularan wabak ini daripada berterusan, kerajaan dan kakitangan barisan hadapan berganding bahu dalam membentuk strategi yang efektif dan berkesan. Sementara itu, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bertujuan mengehadkan perjalanan orang ramai dengan mengenakan penutupan penuh dan perbatasan antarabangsa merupakan salah satu langkah terbaik bagi membendung jangkitan ini. Alhamdulillah pelaksanaannya telah terbukti berkesan dan menunjukkan hasil yang memberangsangkan. Sesungguhnya kita sebenarnya tidak punya pilihan, kita wajib memastikan usaha membendung atau ikhtiar melandaikan keluk penularan COVID-19 berjaya.

Namun begitu, PKP yang dilaksanakan bagi membendung penularan wabak ini telah memberi implikasi kepada kesihatan ekonomi di dalam negara Malaysia dan negeri Selangor. Aktiviti pengeluaran terganggu kerana kegagalan mendapatkan input barang perantaraan dari China, malah gangguan yang lebih serius adalah kerana penutupan atau pengurangan operasi berpunca dari PKP. Dalam pada itu, kegagalan untuk memperoleh input perantaraan dari EU dan Amerika Syarikat turut berlaku apabila mereka turut melaksanakan *lockdown*. PKP juga mengakibatkan sesetengah golongan pekerja kehilangan pendapatan. Antara lain, aktiviti perdagangan kecil-kecilan terbantut, pekerja kontrak kehilangan pendapatan dan pelbagai lagikekangan terhadap aktiviti ekonomi yang memberi kesan kepada pendapatan individu. Penurunan pendapatan individu diterjemah secara langsung kepada penurunan penggunaan swasta di dalam ekonomi domestik yang merupakan pemacu pertumbuhan ekonomi terpenting sejak kebelakangan ini.

Menyedari kepayahan yang dialami oleh pelbagai pihak dan bagi mengurangkan beban kehidupan dan kesulitan ekonomi, Kerajaan Negeri telah menyediakan pakej rangsangan yang dikenali sebagai Pakej Selangor Prihatin. Pakej Selangor Prihatin Fasa Pertama telah dibentangkan pada 20 Mac 2020 manakala Selangor Prihatin Fasa Kedua dibentangkan pada 1 April 2020 bertujuan untuk memangkin ikhtiar membendung penularan COVID-19 dan menyerap impak sosio-ekonomi penularan wabak tersebut.

Sejumlah RM127.8 juta diperuntukkan bagi Selangor Prihatin Fasa Pertama membabitkan tujuh inisiatif manakala Selangor Prihatin Fasa Kedua pula melibatkan peruntukan sebanyak RM272.5 juta, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak RM400 juta. Walau bagaimanapun, perhatian utama pihak Kerajaan Negeri dari segi pelan pemulihan ekonomi pasca COVID-19 adalah untuk

memastikan ekonomi berfungsi menghadapi kejutan permintaan dan penawaran. Realitinya, pakej rangsangan yang diwujudkan oleh kerajaan pusat serta disokong oleh pakej Selangor Prihatin ini hanya memadai untuk menangani kesan jangka pendek sesuai dengan objektif pakej rangsangan iaitu untuk mencipta permintaan sambil memastikan penawaran yang mencukupi.

Oleh itu, bagi memastikan kesediaan untuk jangka masa panjang Kerajaan Negeri telah mengambil langkah proaktif dengan melantik perunding Econsult Consultancy and Training bagi melihat keseriusan impak kepada sektor ekonomi di negeri Selangor dan merangka langkah-langkah bagi mengatasi serta memacu semula pertumbuhan ekonomi. Hasil kajian yang telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) pada 2 Jun 2020 yang lalu menggariskan beberapa strategi jangka panjang yang perlu diterapkan di dalam pelan tindakan pembangunan ekonomi Negeri Selangor berdasarkan empat (4) teras asas iaitu:

- | | | |
|---------------|---|--|
| Teras Pertama | : | Membangunkan industri teras untuk pertumbuhan; |
| Teras Kedua | : | Peningkatan produktiviti; |
| Teras Ketiga | : | Menyediakan peluang pekerjaan; dan |
| Teras Keempat | : | Membangunkan rantaian industri dengan memperkasa PKS |

Berdasarkan kepada keempat-empat teras ini, penyusunan semula strategi untuk pemulihan ekonomi bagi memastikan pertumbuhan yang mampan untuk Negeri Selangor adalah seperti berikut:

Pertama : Mentransformasikan “Sectoral Island” kepada sebuah ekonomi yang kompleks

Sepertimana semua sedia maklum, Kerajaan Negeri telah memutuskan pendekatan melalui inisiatif Klusterisasi Negeri Selangor untuk menjana pertumbuhan ekonomi seperti yang dibentangkan di dalam Belanjawan Negeri Selangor 2019. Sembilan (9) kluster ini dilihat mampu menjadi ‘game changer’ untuk pembangunan ekonomi negeri. Walau bagaimanapun, pendekatan ini tidak mampu memaksimumkan penggunaan sumber ekonomi serta tidak berupaya meraih manfaat jika tiada interaksi antara sektor. Interaksi ini mampu menerbitkan aktiviti ekonomi baharu yang tidak difikirkan sebelumnya dan dasar kerajaan yang mampu menggalakkan interaksi ini dijangka akan menyediakan asas yang kukuh untuk menjana pertumbuhan ekonomi. Penciptaan dasar strategik yang berjaya dan boleh dilaksanakan akan melihat kesemua aktiviti ekonomi sebagai suatu

spektrum aktiviti yang kompleks dan saling berkaitan. Sebuah ekonomi yang kompleks mempunyai lebih ruang untuk pembangunan, berbanding sebuah ekonomi yang dipenuhi oleh pulau-pulau sektor.

Kedua : Membangunkan industri sebagai sumber pertumbuhan

Pemilihan industri asas penjanaan ekonomi di dalam setiap kluster perlu meliputi keseluruhan spektrum rantaian nilai supaya kompleksiti ekonomi dapat ditingkatkan dan nilai tambah terhadap ekonomi dapat dimaksimumkan. Ianya bertepatan dengan teras pertama yakni membangunkan industri untuk sumber pertumbuhan. Dari sudut kerajaan, penggubalan dasar sebagai pemangkin kepada pertumbuhan industri yang lebih komprehensif dapat dilaksanakan dengan lebih efektif.

Ketiga : Mewujudkan Nukleus Pemangkin (Nucleus Catalyst)

Pemilihan satu kluster khusus untuk mewujudkan nukleus pemangkin yang akan melimpahkan aktiviti (spill-over) kepada kluster yang lain melalui rantaian bekalan bersepdu adalah amat penting. Dengan mengenalpasti sebuah kluster pemangkin, ianya berpotensi untuk mencetuskan aktiviti ekonomi yang baru dan seterusnya menghasilkan pekerjaan dan mendorong kepada peningkatan produktiviti.

Keempat : Penubuhan sebuah entiti sebagai fasilitator

Salah satu cabaran di dalam merealisasikan strategi yang dirancang dengan baik adalah dari segi pelaksanaannya. Untuk memastikan pelaksanaan yang efektif dan sumber digunakan secara optimum, sebuah entiti perlu dibentuk agar memudahkan pelaksanaan strategi. Fungsi utama entiti adalah untuk mengenalpasti secara berterusan industri dan aktiviti yang akan ditumpukan. Ini bermakna elemen kedinamikan industri dan pasaran perlu diterapkan di dalam strategi pembangunan. Segala perubahan yang berlaku ke atas industri dan pasaran perlu diberi perhatian. Entiti tersebut dipertanggungjawabkan untuk mengenal pasti kedinamikan tersebut melalui penyelidikan dan pembangunan serta latihan. Entiti ini perlu bertindak sebagai sebuah pusat pengumpulan dan penganalisis maklumat yang relevan untuk tugas utamanya, pengenalpastian berterusan industri berpotensi, menghubungkan industri dalam dan luar kluster khususnya untuk mewujudkan peluang pekerjaan serta mendorong kepada peningkatan produktiviti. Entiti ini juga akan menyediakan platform untuk melatih kakitangan kerajaan negeri yang berkaitan dalam memahami dan melaksanakan

aktiviti ekonomi yang telah dikenalpasti. Akhirnya, entiti ini juga perlu menjadi platform untuk latihan kepada bakal usahawan supaya mereka dilengkapi dengan pemikiran yang relevan, maklumat, kemahiran, dan pengetahuan tentang menjalankan aktiviti berkenaan.

Ringkasnya, keempat-empat pelan tindakan ini melibatkan pentransformasian masalah kepada peluang. Penyelesaian masalah yang dicetuskan oleh pandemik COVID-19 berpaksikan jangka pendek dan berupa penyelesaian sementara yang tidak mampan serta menunjukkan terdapat kelemahan struktur ekonomi yang perlu diperbaiki untuk kemampunan pertumbuhan ekonomi jangka panjang. Dengan itu, Kerajaan Negeri optimis pelan tindakan yang telah digariskan ini akan dapat membantu pemulihran ekonomi di negeri Selangor seterusnya memacu pertumbuhan yang lebih mampan di masa akan datang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI
(N43 SEMENTA)**

TAJUK : KAD PEDULI SIHAT

220. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sehingga kini, berapakah jumlah kelulusan Kad Peduli Sihat mengikut DUN dan mengikut katagori termasuk warga emas dan OKU?
- b) Adakah Kerajaan Negeri bersedia menambah peruntukan utk pembiayaan Skim Peduli Sihat ini?

JAWAPAN: